

11/08/1997

MAB proses tender bina terminal

MIRI, Ahad - Kontraktor yang terpilih untuk menjalankan projek pembesaran terminal lapangan terbang Miri yang bernilai lebih RM60 juta dijangka diketahui tidak lama lagi.

Pengurus Malaysia Airport Berhad (MAB) Miri, Abang Abdullah Abang Joss, berkata permohonan untuk mendapatkan tender projek berkenaan kini dalam proses oleh jawatankuasa yang dilantik.

"Nama syarikat kontraktor yang berjaya mendapatkan kontrak ini akan dimaklumkan sebaik saja keputusannya diketahui," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian penanaman pokok oleh Pegawai Daerah Miri, Sepawi Mohd di kawasan lapangan terbang Miri.

Projek itu yang membabitkan kira-kira 50 kakitangan dan pegawai MAB Miri diadakan selaras dengan seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar 3 juta pokok ditanam di seluruh negara menjelang 2,000.

Antara pokok yang ditanam termasuk jenis belian, kapur, sentang, bunga tanjung dan mahagui.

Abang Abdullah berkata, berharap syarikat kontraktor yang memohon untuk mendapatkan kontrak itu dapat bersabar sementara menantikan keputusannya diumumkan.

(END)